

04 AUG 1996

Mahathir-Mangsa

SAYA HAMPIR JADI MANGSA RASUAH, KATA PERDANA MENTERI

ALOR SETAR, 4 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau hampir menjadi mangsa gejala rasuah semasa mempertahankan jawatannya pada Perhimpunan Agung Umno 1987.

Dalam memperkatakan mengenai bahaya rasuah terhadap parti hari ini, Perdana Menteri menyingkap kembali peristiwa pada pemilihan tahun itu dan mengatakan beliau tidak menyangka rasuah boleh menyebabkan beliau kehilangan banyak undi dan hampir tewas.

Katanya beliau tidak menyangka keadaan itu akan berlaku kerana telah mendapat pencalonan yang banyak dari seluruh negara.

"Saya berasa cukup sedap kerana 80 peratus bahagian telah mencalonkan saya untuk mempertahankan jawatan Presiden sedangkan lawan saya Tengku Razaleigh Hamzah hanya mendapat 20 peratus.

"Jadi, sepatutnya 80 peratus undi perwakilan dapat kepada saya tetapi apa yang berlaku ialah saya hanya menang dengan majoriti 40 undi," katanya semasa merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra dekat sini.

Dr Mahathir yang juga Ketua Bahagian itu berkata beliau hairan ke manakah perginya undi-undi yang menyebabkan beliau hampir tewas.

"Rupa-rupanya dalam bilik air dan tandas mereka terima duit. Mereka ini pergi ke Kuala Lumpur untuk menjual undi dan saya hampir-hampir kalah.

"Dan selepas itu kita semua tahu apa yang terjadi kepada Umno tetapi mujurlah kini ramai yang sudah sedar dan ingin kembali semula ke pangkuan Umno," katanya.

Dr Mahathir berkata itulah akibatnya jika anggota Umno membenarkan rasuah menguasai parti.

"Kita perlu sedar bahawa parti akan hancur kalau rasuah dibiarkan berlaku kerana yang meminta ramai tetapi yang hendak diberikan amat sedikit," katanya.

-- BERNAMA

MZM ZAA RON